



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Transformation towards  
**UNIVERSITY  
INDUSTRY 4.0**

## **ANUGERAH KREATIVITI ECOCAMPUS**

**(Anugerah Inovasi UMS 2018)**

**Pusat Pengurusan EcoCampus,**

**Universiti Malaysia Sabah**

### **PENGENALAN**

Anugerah Kreativiti EcoCampus merupakan salah satu kategori penganugerahan di bawah Anugerah Inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2018. Anugerah ini adalah kesinambungan daripada Anugerah Khas Naib Canselor (EcoCampus) 2017 yang mengiktiraf sumbangan individu (staf akademik/pentadbiran) atau kumpulan daripada jabatan/fakulti/pusat/institut/unit (JFPIU) dalam memperkasakan inisiatif EcoCampus di UMS, manakala anugerah untuk 2018 ini adalah untuk pengiktirafan JFPIU. Penilaian untuk anugerah ini akan dijalankan secara penilaian kendiri dalam beberapa kriteria mustahak dalam aspek kelestarian kampus menerusi pengisian borang dan diikuti dengan penilaian lapangan oleh panel penilai. Pelaksanaan penganugerahan ini diharapkan akan menyemarakkan lagi agenda EcoCampus di UMS ke arah membentuk warga UMS yang prihatin dan proaktif dalam membina persekitaran dan gaya hidup yang hijau, sihat dan mampan.

### **OBJEKTIF**

Objektif Anugerah Kreativiti EcoCampus ini adalah untuk:

- (1) Memberi pengiktirafan kepada JFPIU yang aktif melaksanakan iltizam ke arah pembentukan persekitaran dan gaya hidup warga UMS yang hijau, sihat dan mampan;
- (2) Memberi peluang kepada JFPIU untuk membuat penilaian kendiri dan penambahbaikan secara berterusan dalam pembudayaan kelestarian kampus;

- (3) Mengenalpasti amalan terbaik JFPIU dalam pembentukan persekitaran dan gaya hidup warga UMS yang mesra alam, sihat dan lestari untuk tujuan penandaarasan dalam initiatif penganugerahan UMS pada peringkat antarabangsa.

### **PANDUAN PENGISIAN BORANG PENILAIAN**

1. JFPIU dimohon untuk menilai sendiri dengan meletakkan skor 1-10 pada setiap kolumn.
2. Markah bonus (10 markah) hanya akan diberikan jika JFPIU mengisi maklumat yang diperlukan.
3. Bagi ruang *evidence* JFPIU perlu melampirkan bukti (gambar, poster, banner, rujukan dokumen/fail, dsbnya)

### **SYARAT PENYERTAAN**

Semua JFPIU digalakkan untuk menyertai penilaian anugerah ini.

### **KRITERIA PEMILIHAN PEMENANG**

Sebanyak tiga (3) pemenang akan dipilih. Pemenang dipilih berdasarkan markah tertinggi.

### **URUSETIA ANUGERAH KREATIVITI ECOCAMPUS**

Pusat Pengurusan EcoCampus,  
Aras 4, Blok Utara, Bangunan Canselori,  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

(Tel.: +6088-320017; +6088-320000 samb. 1263; Faks: +6088-320086

Emel: [ecocampus@ums.edu.my](mailto:ecocampus@ums.edu.my))